

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

Konvensyen syarikat pemula lahirkan lebih ramai teknousahawan tempatan

Konvensyen syarikat pemula lahirkan lebih ramai teknousahawan tempatan

Kerajaan akan menganjurkan satu konvensyen syarikat pemula dalam masa terdekat, antara lain bagi menghasilkan lebih ramai teknousahawan tempatan, Dewan Negara diberitahu semalam.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata pembangunan syarikat pemula adalah prasyarat bagi mempercepat peralihan struktur ekonomi negara ke arah industri berasaskan teknologi dan digital.

Kerajaan juga, katanya, akan memastikan ekosistem modal teroka terus diperkukuh untuk mempercepat pembentukan syarikat pemula berasaskan teknologi, termasuk inisiatif khusus untuk mengumpul sumber pembiayaan daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Tumpuan juga diberikan kepada pelabur dan syarikat pemula pada peringkat awal untuk memperkasa lebih ramai bakat tempatan sebagai pencipta dan pembangun teknologi," katanya ketika membentangkan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Sebelum ini, kerajaan dilapor menyasar menjadikan Kuala Lumpur hab syarikat pemula dan industri digital serantau untuk menarik pelaburan dan bakat digital dengan sasaran Malaysia



Rafizi membentangkan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Dewan Negara, semalam. (Foto BERNAMA)

berada dalam kalangan 20 negara utama ekosistem syarikat pemula global menjelang 2030.

Rafizi berkata, kerajaan menyediakan geran RM266 juta tahun ini kepada syarikat pemula tempatan untuk melahirkan lebih banyak syarikat bertaraf unikorn dan daripada jumlah itu, RM63.9 juta sudah disalurkan sehingga kini.

Fokus perkasa sosioekonomi

Sementara itu, beliau berkata, Kajian Separuh Penggal RMK12

memberi keutamaan dan penekatan baharu ke atas dasar, strategi dan inisiatif bagi pembangunan sosioekonomi serta langkah memantapkan tadbir urus negara.

Ia, katanya, mengandungi tiga tumpuan utama, iaitu memperkukuh kemampanan, membangunkan masyarakat sejahtera dan menuju negara berpendapatan tinggi.

Rafizi berharap semua ahli Dewan Negara memberi kerjasama, sokongan dan merestui usaha ke-

rajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda pembangunan negara selaras aspirasi Malaysia MADANI dan berlandas kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat yang dibentang 27 Julai lalu.

"Saya juga menyeru seluruh rakyat Malaysia berganding bahu untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan serta pengagihan kekayaan negara adalah telus, adil dan saksama," katanya.

Beliau turut mengambil kesempatan merakamkan penghargaan kepada ahli Dewan Rakyat yang telah meluluskan usul Kajian Separuh Penggal RMK12 yang membabitkan peruntukan RM415 bilion melalui undian suara selepas selesai penggulungan kelmarin.

RMK12 dengan peruntukan RM400 bilion yang dibentangkan pada 27 September 2021, adalah fasa pelengkap rancangan pembangunan lima tahun negara (2021-2025) ke arah mencapai status negara maju dan inklusif.

Terdahulu, Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata perbahasan usul itu akan berlangsung dua hari bermula semalam, diikuti jawapan oleh Kementerian berkaitan pada 25 dan 26 September. BERNAMA